

**Kerajaan Pusat Lulus Peruntukan Untuk Empat Lagi SRJKT Di Kedah  
Bernama  
30 Julai, 2012**

PADANG SERAI, 30 Julai (Bernama) -- Kerajaan Persekutuan meluluskan peruntukan kepada empat lagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SRJKT) di Kedah bagi membina bangunan tambahan dan peralatan serta kerja pengubahsuaian berjumlah RM7.421 juta.

Pengerusi MIC Negeri Kedah S. Ananthan berkata sekolah tersebut adalah SRJKT Ladang Victoria, Padang Serai yang mendapat sebuah bangunan tambahan tiga tingkat bernilai RM4 juta dan SRJKT Ladang Bukit Mertajam, Karangan yang mendapat bangunan tambahan dan peralatan bernilai RM2.521 juta.

"SRJKT Ladang Sungai Dingin, Mahang, pula mendapat bangunan gantian bernilai RM500,000 dan SRJKT Sungai Batu, Merbok pula untuk kerja-kerja penyelenggaraan bumbung, membaiki tandas dan pendawaian elektrik sebanyak RM400,00," katanya kepada Bernama selepas menyampaikan sumbangan MIC Pusat kepada empat tadika swasta dalam kawasan Lunas di sini pada Isnin.

Setiap tadika menerima antara RM1,800 hingga RM2,400, sumbangan Presiden MIC Datuk Seri G.Palanivel untuk meningkatkan tahap kemudahan di tadika-tadika berkenaan.

Ananthan berkata kerja-kerja merobohkan bangunan lama di SRJKT Ladang Victoria sedang dijalankan untuk memberi laluan kepada bangunan tambahan yang baharu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=684022>





